

### KENYATAAN JUALAN LELONG STOK

Dimaklumkan bahawa Jabatan Perhutanan Negeri Perak akan mengadakan lawatan tapak dan lelongan Stok seperti berikut:-

**Lawatan Tapak** :28-29 Februari 2024 (Rabu-Khamis)  
**Tarikh Lelongan** :07 Mac 2024 (Khamis)  
**Masa** :10.00 pagi  
**Tempat** :TAPAK SITAAN DI BEKAS HUTAN SIMPAN  
 SEGARI MELINTANG, DAERAH KINTA/MANJUNG

2. Senarai Stok yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PS-30. Semua Stok boleh dilihat pada tarikh 28 hingga 29 Februari 2024 di Tapak Sitaan Di Bekas Hutan Simpan Segari Melintang, Daerah Kinta/Manjung (8°4'16.727"N 103°27'24.913"E) di antara jam 10.00 pagi.
3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-
  - (i) Stok akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
  - (ii) Pembida yang berminat untuk meyertai lelongan, perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, No. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan melalui draf bank / wang pos perlu dikemukakan pada hari lelongan dijalankan di atas nama "BENDAHARI NEGERI PERAK".
  - (iii) Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, Stok berkenaan akan dilelong semula.
  - (iv) Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PS-30 dan menarik balik mana-mana Stok daripada senarai tersebut.
  - (v) Semua Stok adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
  - (vi) Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas Stok yang telah dijual.
  - (vii) Semua perbelanjaan bagi mengangkut Stok hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
  - (viii) Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, no. Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan.
  - (ix) Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan.
  - (x) Pembida yang berjaya hendaklah mengambil Stok dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelong. Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya.
  - (xi) Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum Stok boleh dikeluarkan dari Tapak Sitaan.

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

## SENARAI STOK YANG DILELONG

KEMENTERIAN/ JABATAN: PERHUTANAN NEGERI PERAK

BIL	PERIHAL STOK	KUANTITI	BERAT (TAN)
1	MEDANG	27	21.50
2	KELAT	32	19.54
3	BALAU	89	99.82
4	LUDAI	1	0.18
5	KANDIS	1	0.18
6	KEKABU	1	1.46
7	NYATOH	4	3.04
8	INGGIR BURUNG	1	0.29
9	SEPETIR	7	6.35
10	SESENDUK	3	2.90
11	BINTANGOR	2	0.82
<b>JUMLAH</b>		<b>168</b>	<b>156.08</b>

  
 (Tandatangan Ketua Jabatan)  
 Nama : ..... NORZALYA BINTI MOHD GHAZALI .....  
 Jawatan : ..... Ketua Peninggal Pengarah .....  
 Tarikh : ..... Seksyen Penguatkuasaan Hutan .....  
 Cap Kementerian/ Jabatan : ..... Jabatan Perhutanan Negeri .....  
 ..... Perak Darul Ridzuan .....